

Rancangan dinamis

MACHANG 9 OKTOBER

KIRA-KIRA 265,000 orang dari kira-kira 53,000 keluarga pekebun kecil getah di seluruh Kelantan akan mendapat faedah dari rancangan pengeluaran dinamis yang dilancarkan oleh RISDA baru-baru ini.

Rancangan tersebut meliputi usaha menambahkan lagi bantuan baja, membekal benih-benih bermutu serta memulihkan mana-mana kebun getah yang didapati terbiar atau sudah tua.

Seorang jurucakap RISDA berkata dengan adanya rancangan tersebut pihak-pihak yang terlibat akan yakin hasil pengeluaran pekebun-pekebun kecil itu akan meningkat kira-kira 38,100 tan setahun sekarang kepada kira-kira 50,000 tan setahun menjelang tahun 1990.

Dengan tambahan itu seorang pekebun

kecil dijangka akan menghasilkan antara 700 paun hingga 1,000 paun getah seakar setahun," katanya.

Jurucakap itu berkata langkah-langkah ini sedang diambil bagi memulihkan 14,000 ekar kebun getah yang terbiar di seluruh Kelantan dan berharap setelah dipulihkan kelak ia akan dapat menghasilkan lebih 4,000 tan getah setahun.

Di bawah rancangan itu juga, ujarnya, usaha-usaha sedang diambil bagi menanam semula kira-kira 70,000 ekar getah tua. Sehingga akhir

RISDA beri faedah kpd 265,000

tahun lalu sejumlah kira-kira 97,000 ekar telah ditanam semula.

Beliau juga memberitahu, di samping itu usaha-usaha juga sedang diambil bagi mendapatkan tanah seluas 100 ekar untuk dijadikan tapak semeaian bagi membekalkan benih-benih getah yang baik kepada para pekebun kecil Kelantan.

Sementara itu, seorang jurucakap Lembaga Pertanian Kemubu (KADA)

berkata, sehingga ini lebih 52,000 orang penanam padi di seluruh Kelantan telah didaftarkan untuk mendapat bantuan subsidi baja yang dilancarkan oleh kerajaan dan dari jumlah itu kira-kira 24,000 orang telah diluluskan permohonan mereka.

Beliau menyeru petani-petani yang belum diluluskan permohonan mereka supaya bersabar kerana kajian sedang dijalankan oleh jawatan-

kapas suci menjadikan tuala ini paling rata dan paling selesa pernah anda gunakan.

Kapas suci ialah benda yang sangat elok. Ia adalah sangat menyerap dan sangat nyaman. Ia adalah sangat lembut tetapi teguh.

Ia boleh digebukan atau dikompres supaya muat dalam ruangan yang kecil. Jadi bila kami buat Tuala Berpelekat Southalls, kami gunakan kapas suci. Jadi tuala kami adalah paling mudah menyerap serta kecil dan rata.

Tuala yang cukup muat — jadi ia tidak ketara. Walaupun pada hari anda banyak datang haid, anda boleh memakai Southalls dan sebarang pakaian yang anda suka. Tiada siapa yang tahu.

Kapas suci juga lebih selesa! Oleh kerana ia lembut dan halus anda terasa lebih selesa, lebih meyakinkan.

Tuala Berpelekat Southalls, bunyinya sungguh elok — cuma cubakan dan anda akan percaya.

Lubang-lubang halus membolehkan penyerapan segera bagi menghapuskan kemungkinan kebocoran di sisinya.

Kapas suci memberikan penyerapan yang maksimum, keselesaan yang nyaman dan kelembutan yang lebih yang boleh anda rasa.



Lapisan istimewa di tengah membuat kelembapan merebak di dalam tuala terus menambahkan penyerapan yang samasekali.

Pelekatnya cukup kuat membuat tuala tetap dan selesa pada tempatnya.

Pelindungpoly dengan berkesan menahan kebocoran membetulkan keyakinan sepenuhnya.

Risalah "Dari Gadis menjadi Wanita" ini diberi percuma dalam setiap kotak Southalls. Ia menunjukkan secara mudah dan benar apa yang terjadi bila anda mula memasuki usia baligh dan mengapa. Mengapa terasa sakit? Mengapa datang haid? Bacalah sebab lebih baik kita mengetahui yang sebenar.

southalls paling mudah menyerap cubalah gunakan dan anda akan percaya.



Satu Lagi Pengeluaran Smith & Nephew. Pembuat perlindungan kebersihan yang terkemuka di Britain.

Zainuddin cacat mampu menjadi mekanik radio

BATU PAHAT 9 Okt. — Zainuddin Haji Salleh, 27, hari ini membuktikan bahawa kecacatan yang dialaminya sekarang tidak menjejaskan ia meneruskan cita-citanya sebagai mekanik radio.

OLEH: TUKIMAN KITAM

kapi dengan pelbagai jenis peralatan.

Bengkel tersebut yang dibuka dengan bantuan seorang abangnya, Encik Mohamad Shah, seorang guru agama petang, adalah sebagai langkah permulaan ia memenuhi keazamannya menjadi seorang mekanik.

Ia mendapat pengetahuan mekaniknya semasa menuntut di salah sebuah maktab teknik swasta di Singapura sebelum mengalami kecekalaan di Melaka dalam tahun 1971.

"Mujurlah saya ber-

peluang belajar di maktab tersebut, kalau tidak mungkin masa depan saya bertambah gelap lagi agaknya," ceritanya ketika ditemui di rumahnya.

Setakat ini usahanya mendapat sambutan dari masyarakat sekitar daerah Pontian dan kebanyakannya membaiki radio dan televisyen diakui setanding dengan mereka yang tidak mengalami kecacatan anggota.

Zainuddin tidak mengenakan bayaran yang tinggi kepada para pelanggannya. Ia hanya menerima pemberian ikhlas sebagai upah kerjanya.



ENCIK MOHD SHAH HAJI SALLEH

Dalam mengendalikan perusahaannya itu, ia bercerita abangnya yang banyak menolong kerana harga barang tersebut di sana jauh lebih murah dari kedai-kedai di sini," tambahnya lagi.

Bagaimanapun Zainuddin masih belum berpuas hati di atas kebolehannya di bidang tersebut dan berazam untuk mempelajari pengetahuan mekanik secara lebih mendalam lagi.

Ia pernah berusaha mendapatkan bantuan dari MARA supaya mengiriskan beberapa buah buku panduan teknik membaiki alat-alat elektrik tetapi sehingga ini masih belum mendapat jawapan.

Mahir

Zainuddin menerangkan buku-buku seumpama itu adalah sangat diperlukannya bagi menolongnya mengetahui atau mendalami teknik-teknik yang lebih baik lagi dalam mengesan dan memperbaiki sesuatu kerosakan alat elektrik.

Selain dari mempunyai kebolehan di bidang mekanik ia juga mahir dalam seni khat dan menjahit pakaian lelaki tetapi menurutnya dia lebih mengutamakan bidang mekanik untuk dipraktikkannya.

Mengenai kelumpuhan kedua belah kakinya, abangnya, Encik Mohamad Shah memberitahu ia telah berusaha mendapatkan rawatan dari doktor dan bomoh-bomoh yang terkemuka di negara ini. "Tetapi usaha kami sekeluarga itu masih belum dapat memulihkan keadaan Zainuddin yang kami percaya dia masih boleh diselamatkan," katanya.



ENCIK Zainuddin Haji Salleh sedang membaiki radio kaset sambil baring.

Perak lulus \$193,000 utk paip

TELUK ANSON 9 Okt. — Kerajaan negeri telah meluluskan peruntukan sejumlah \$193,000 bagi melaksanakan 10 projek bekalan air paip di kawasan Parlimen Teluk Anson yang diwakili oleh Encik Au Haw Cheong dari Barisan Nasional.

"Semua projek-projek itu akan dilaksanakan dalam tahun ini juga, kata Encik Au Haw Cheong dalam kenyataannya yang dikeluarkan semalam.

Penduduk-penduduk yang mendapat faedah dari bekalan air paip itu ialah dari Kampung Keluarga \$11,100 (37 rantai), Batu 4 Selabak, \$18,000 (60 rantai), Hujung Bakar Sampah \$21,000 (70 rantai), Hujung Jalan Woo Saik Hong \$7,500 (25 rantai), Jalan Datuk Muhammad Selabak \$6,000 (20 rantai), Batak Rabit \$6,000 (20 rantai), Padang Tembak \$18,000 (60 rantai), Durian Sebatang \$6,000 (20 rantai), Kampung Belt Air Hitam \$36,000 (170 rantai) dan Kampung Goh Hong \$64,000 (200 rantai).

Seru lebih ramai sertai berbagai projek RISDA

MUAR 9-Okt. — Ahli Parlimen Pagoh, Encik Muhyiddin Md Yassin menyeru lebih ramai lagi pekebun-pekebun kecil getah di daerah ini menyertai projek-projek RISDA bagi meningkatkan lagi kedudukan ekonomi mereka.

"Melalui pusat pembangunan pekebun kecil (PPPK) ahli-ahli bukan sahaja dapat meningkatkan punca pendapatan mereka tetapi berbagai kemudahan lain boleh diperolehi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan mesyuarat agung tahunan kali pertama gabungan pusat pembangunan pekebun kecil Pagoh/Panchor, di sini baru-baru ini.

Encik Muhyiddin berkata, melalui PPPK juga ahli-ahli dapat memupuk perhatian dalam bidang perniagaan walaupun cara kecil-kecilan.

Beliau memuji dan menghargai khidmat RISDA yang memimpin pekebun-pekebun kecil

bagi meninggikan tarat hidup mereka bahkan telah dapat dilihat pada masa ini munculnya kedai runcit bumiputera atas usaha PPPK.

Beliau juga menarik perhatian para gabungan ini supaya dapat mengumpulkan lebih ramai ahli pekebun-pekebun kecil dalam satu 'skim insurans berkelompok' bagi perlindungan pekebun-

pekebun kecil. Encik Muhyiddin menyaran juga agar kaum bumiputera dapat mengambil peluang-leluasan bagi membeli dan menjual getah seterusnya jika berkemampuan mengusahakan import dan eksport getah keluar negeri kerana pada masa ini belum terdapat seorang pun bumiputera yang menceburkan diri dalam lapangan ini.

SKOMK KUTIP LEBIH \$400,000 DARI KEDAI2 RUNCIT DAN TAYAR

TELUK ANSON 9 Okt. — Syarikat Kerjasama Orang-Orang Melayu Kerajaan (SKOMK) Hillr Perak, Jimat, Cernat dan Pinjaman Wang Berhad, di sini telah memungut sejumlah \$405,983.01 sen hasil dari jualan kedai runcit dan kedai tayar dalam masa delapan bulan tahun ini.

"Kedai runcit syarikat itu yang ditubuhkan pada 1 Januari 1977 lalu, telah memungut wang hasil jualan barang-barang runcitnya sejumlah \$218,421.27 sen dari Januari hingga Ogos lalu.

Dalam tempoh yang sama juga, kedai tayar agensi syarikat itu memungut

sejumlah \$187,561.74 sen dari jualan.

Syarikat itu juga telah memperoleh pungutan dari jualan alat-alat perkakas elektriknya dalam tempoh 4 bulan lalu sejumlah \$35,311.50 sen.

Syarikat itu yang kini mempunyai ahli seramai 2,250 orang telah mengeluarkan pinjaman wang kepada ahli-ahlinya berjumlah \$1,891,978.10 sen dalam masa delapan bulan lalu.

Yang Dipertua SKOMK, Encik Othman bin Alang berkata, pihaknya sedang merancang beberapa projek baru dalam usaha menambahkan harta syarikat di samping memberi kebajikan kepada ahli-ahli.